

15/03/2000

17 tindakan tingkat penggunaan ICT

Hizral Tazzif Hisham; Md Zin Ali

PERSIDANGAN Pengetahuan Global Kedua (GK II) yang berakhir minggu lalu merumuskan draf pelan 17 tindakan untuk meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di seluruh dunia.

Draf itu juga akan berusaha merapatkan jurang pemisah antara negara yang mempunyai bilangan capaian Internet lebih tinggi dan negara yang masih ketinggalan dalam kemudahan itu.

Antara langkah dicadangkan dalam persidangan tiga hari itu ialah membangunkan piawai serta garis panduan untuk menggunakan teknologi baru bagi pengurusan kandungan dan meningkatkan jumlah serta kebolehcapaian kandungan, maklumat dan pengetahuan.

Selain itu, penggunaan radio untuk tujuan promosi Internet terutama bagi kawasan luar bandar, menyepadukan teknologi baru dengan teknologi sedia ada, mewujudkan pusat pembelajaran, mengadakan undang-undang dan peraturan sesuai serta mewujudkan sistem kewangan yang inovatif untuk menyokong pembangunan teknologi maklumat.

Langkah lain yang dicadangkan ialah mempromosikan latihan ICT di dalam dan luar negara, mewujudkan strategi pendidikan bagi menyediakan pekerja mahir, memperbaiki sistem pengetahuan berasaskan pendidikan dengan menyepadukan ICT.

Draf itu dirumuskan pada sidang pleno Persidangan Pengetahuan Global Kedua (GK II) yang berlangsung di Kuala Lumpur, minggu lalu.

GK II dihadiri 1,200 perwakilan dari seluruh dunia bagi membincang dan menerokai kaedah merapatkan jurang dunia digital hasil ledakan capaian maklumat Internet.

Ia turut menggalakkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggunakan ICT untuk mempengaruhi pembuat dasar, mengenal pasti corak kebebasan maklumat dalam Internet dan kesedaran mengenai jaringan elektronik.

Dalam usaha untuk menghasilkan pentadbiran yang cekap dan telus, draf tindakan itu turut mencadangkan supaya pentadbir bersedia berkongsi pengetahuan pentadbiran serta membekalkan latihan dan pendidikan dalam pentadbiran.

Selain itu, kerajaan dan swasta digalakkan menjalankan usaha pengumpulan, pengeluaran dan menyebarkan pengetahuan tempatan serta menyokong pembangunan strategi negara untuk menggunakan pengetahuan tempatan dalam proses pembangunan.

Draf 17 langkah dalam pelan tindakan ini akan diperhalusi lagi oleh Rakan Kongsi Pengetahuan Global (GKP), pertubuhan yang ditubuhkan selepas Persidangan Pengetahuan 1997 di Toronto, Kanada, dalam tempoh enam minggu.

Draf pelan tindakan itu diharap akan menjadi rangka kerja dan keutamaan strategik bagi GKP dalam tempoh tiga tahun akan datang bagi mewujudkan masyarakat berpengetahuan.

Di persidangan itu juga, Malaysia melangkah ke peringkat kedua dalam usaha mencapai Wawasan 2020 dengan merangka pelan lengkap strategik kebangsaan mengenai Ekonomi-Pengetahuan (K-ekonomi).

Pelan itu kata, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka siap dalam tempoh 18 bulan dari sekarang.

"Satu siri pelan tindakan yang konkrit dalam bidang-bidang strategik akan disiapkan dalam masa setahun," katanya dalam ucapan pembukaan semasa melancarkan persidangan itu minggu lalu.

"Pelan Induk K-ekonomi mestilah satu pelan induk bagi seluruh negara, pelan induk persendirian bagi setiap warga dan mestilah tergolong dan

dimiliki semua rakyat Malaysia," katanya.

Katanya Malaysia kini bersedia untuk langkah kedua ke era maklumat, 'jika Wawasan 2020 adalah langkah strategik yang pertama'.

(END)